

Date and Time: Monday, 17 April 2023 11:36:00AM MYT

Job Number: 195049178

Document (1)

1. [Integrated Training and Services Sdn Bhd Iwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain, \[2020\] 5 MLJ 265](#)

Client/Matter: -None-

Search Terms: [2020] 5 MLJ 265

Search Type: Natural Language

Narrowed by:

Content Type
MY Cases

Narrowed by
-None-

INTEGRATED TRAINING AND SERVICES SDN BHD v KERAJAAN MALAYSIA DAN LAIN-LAIN

Case Analysis

[2020] MLJU 564 | [2020] 5 MLJ 265

Integrated Training and Services Sdn Bhd Iwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain [2020] 5 MLJ 265

Malayan Law Journal Reports · 13 pages

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA)

UMI KALTHUM, VERNON ONG DAN SURAYA OTHMAN HHMR

RAYUAN SIVIL NO W-01(IM)(NCVC)-235-07 TAHUN 2017

21 May 2020

Case Summary

Prosedur Sivil — Ganti rugi — Taksiran ganti rugi — Timbalan pendaftar mentaksir ganti rugi berdasarkan laporan audit — Sama ada laporan juruaudit selaras dengan kontrak — Sama ada perbicaraan taksiran ganti rugi harus dijalankan — Sama ada juruaudit baru wajar dilantik

Perayu ('plaintiff') adalah sebuah syarikat yang mengendalikan akademi penerbangan yang menyediakan latihan penerbangan, latihan penerbangan simulator dan sewaan pesawat. Melalui permintaan responden-responden ('defendan-defendan'), plaintiff telah memasuki dua kontrak dengan pihak defendan pertama. Menurut plaintiff, defendan-defendan telah gagal untuk menghantar jumlah pelatih sebagaimana yang dipersetujui di dalam kedua-dua kontrak tersebut dan menyebabkan plaintiff mengalami kerugian. Lanjutan daripada itu, plaintiff telah memfailkan writ dan pernyataan tuntutan terhadap defendan-defendan untuk menuntut pembayaran ganti rugi khas berjumlah RM123,786,283 beserta ganti rugi am dan ganti rugi teladan. Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa jumlah tuntutan ganti rugi khas yang dibenarkan adalah RM46,048,097.84. Defendan-defendan telah memfailkan rayuan dan Mahkamah Rayuan membenarkan sebahagian rayuan dan kes diremit ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi di hadapan pendaftar Mahkamah Tinggi. Selaras dengan perintah Mahkamah Rayuan tersebut, pihak-pihak telah melantik Salihin Chartered Accountants sebagai juruaudit bebas untuk menyediakan laporan penilaian taksiran bagi ganti rugi. Berdasarkan laporan juruaudit, timbalan pendaftar memutuskan, antara lain, defendan-defendan hendaklah membayar ganti rugi sebanyak RM21,735,613.50. Defendan-defendan telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar ('lampiran 72') memohon agar keputusan timbalan pendaftar yang mengunapakai laporan audit diketepikan. Mahkamah Tinggi membenarkan lampiran 72, mengetepikan keputusan timbalan pendaftar dan mengarahkan pihak-pihak melantik juruaudit yang baru untuk menjalankan taksiran ganti rugi. Oleh itu rayuan ini oleh plaintiff.

Diputuskan, menolak rayuan; mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi; dan meremitkan kes ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi oleh juruaudit yang baru:

[*266]

- (1) Timbalan pendaftar telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah apabila memberi perintah atas arahan bagi taksiran oleh Mahkamah Rayuan, dengan hanya bergantung kepada laporan audit semata-mata tanpa menjalankan perbicaraan dengan kehadiran juruaudit memberi keterangan atas sumpah agar defendan-defendan jelas tentang bayaran yang perlu dibuat bagi ganti rugi yang perlu ditaksirkan sebagaimana arahan Mahkamah Rayuan berdasarkan klausa 27.4 kontrak dalam ertikata yang sebenarnya perintah Mahkamah Rayuan tersebut (lihat perenggan 29).
- (2) Bantahan-bantahan yang dibuat oleh defendan-defendan adalah bermerit di antaranya atas kegagalan juruaudit untuk menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah taksiran ganti rugi yang dilakukan dalam menentukan jumlah taksiran sebanyak RM21,735,613.50 tersebut. Sepatutnya apabila ada bantahan oleh defendan-defendan, proses penaksiran menurut klausa 27.4 kontrak semestinya dijalankan. Timbalan

Integrated Training and Services Sdn Bhd lwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain

pendaftar seharusnya meminta juruaudit memberi keterangan tentang pengiraan yang dibuat dan bagaimana penilaian bagi jumlah ganti rugi dicapai untuk memastikan laporan tersebut adil dan telus. Lebih lagi, jika pengiraan yang digunakan adalah berunsur teknikal dan memerlukan penerangan yang jelas dan terang daripada semua pihak (lihat perenggan 30–31).

- (3) Berdasarkan klausa 27.4 kontrak, penentuan oleh juruaudit berhubung dengan ‘all sums and expenses properly and necessarily incurred’ adalah penting berdasarkan prinsip pembuktian ganti rugi sejajar dengan s 74 Akta Kontrak 1950. Dalam erti kata lain, tuntutan plaintif adalah untuk ganti rugi khas yang semestinya perlu dibuktikan. Tambahan lagi, dalam penyediaan laporan audit, juruaudit telah menggunakan laporan tahunan kewangan plaintif yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007 iaitu dokumen yang tidak berkenaan dengan kedua-dua kontrak ini sedangkan kontrak di antara plaintif dan defendan-defendan hanya dimeterai pada bulan Jun 2009 (lihat perenggan 33–34).
- (4) Adalah wajar agar juruaudit baru yang bakal dilantik oleh pihak-pihak dipanggil oleh timbalan pendaftar ke prosiding taksiran ganti rugi dan diperiksa balas atas sumpah oleh kedua-dua belah pihak untuk mendapatkan klarifikasi jelas, bukan sahaja bagi membantu pihak-pihak agar dapat memahami dengan jelas isu yang dibangkitkan, bahkan juga dapat membantu timbalan pendaftar untuk mencapai suatu keputusan yang adil (lihat perenggan 35).

The appellant (‘the plaintiff’) was a company operating an aviation academy that provided flight training, flight simulator training and aircraft rental. At the [*267] request of the respondents (‘the defendants’), the plaintiff had entered into two contracts with the first defendant. According to the plaintiff, the defendants had failed to send the number of trainees as agreed in the two contracts and caused the plaintiff to suffer losses. In consequence, the plaintiff had filed a writ and statement of claim against the defendants to claim payment of special damages amounting to RM123,786,283 along with general damages and exemplary damages. The High Court held that the total claim for special damages allowed was RM46,048,097.84. The defendants had filed an appeal and the Court of Appeal allowed part of the appeal and the case was remitted to the High Court for assessment of damages before the registrar of the High Court. In accordance with the order of the Court of Appeal, the parties had appointed the Salihin Chartered Accountants as an independent auditor to prepare the assessment report for damages. Based on the report of the auditor, the deputy registrar held, inter alia, that the defendants should pay damages of RM21,735,613.50. The defendants had filed a notice of appeal to the judge in chambers (‘encl 72’) requesting that the decision of the deputy registrar using the audit report be set aside. The High Court allowed encl 72, set aside the decision of the deputy registrar and ordered the parties to appoint a new auditor to conduct an assessment of damages. Hence this appeal by the plaintiff.

Held, dismissing the appeal; maintaining the order of the High Court; and remitting the case to the High Court for assessment of damages by a new auditor:

- (1) The deputy registrar had acted on a wrong principle of law when ordering an order for an assessment by the Court of Appeal, relying solely on the audit report alone without conducting a hearing in the presence of the auditor giving evidence on oath so that the defendants were clear regarding the payment made for damages to be assessed as directed by the Court of Appeal based on cl 27.4 of the contract in the true sense of the order of the Court of Appeal (see para 29).
- (2) The objections made by the defendants had merit inter alia for the failure of the auditor to explain in detail the method of assessment of damages carried out in determining the total assessment of RM21,735,613.50. Supposedly when there were objections by the defendants, the assessment process according to cl 27.4 of the contract must be carried out. The deputy registrar should require the auditors to give evidence of the calculations made and how the assessment of the amount of damages was achieved to ensure that the report was fair and transparent. Moreover, if the calculations used were technical in nature and required a clear and concise explanation from all parties (see paras 30–31).
- (3) Pursuant to cl 27.4 of the contract, the decision by the auditors in relation to ‘all sums and expenses properly and necessarily incurred’ was [*268]

important based on the principle of proof of damages in accordance with s 74 of the Contracts Act 1950. In other words, the plaintiff’s claim was for special damages that had to be proven. In addition, in preparing the audit report, the auditor had relied on the plaintiff’s annual financial report reported to the Companies Commission of Malaysia for the year of 2006 and 2007 which was a document that did not apply to these

Integrated Training and Services Sdn Bhd lwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain

two contracts as the contract between the plaintiff and the defendants was only signed in June 2009 (see paras 33–34).

- (4) It was appropriate for a new auditor to be appointed by the parties to be called by the deputy registrar to the damages assessment proceedings and cross-examined by oath by both parties to obtain clear clarification, not only to assist the parties to clearly understand the issue raised, but could even help the deputy registrar to reach a fair decision (see para 35).]

Kes-kes yang dirujuk

China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal [\[1996\] 2 MLJ 517](#), MP (dirujuk)

Lee Chee Keong v Fadason Holdings Sdn Bhd and other appeals [\[2017\] 3 MLJ 728](#), MR (dirujuk)

Ming Holdings (M) Sdn Bhd v Tuan Syed Azahari bin Noh Shahabudin & Anor [\[2010\] 4 MLJ 577](#), MP (dirujuk)

Pembinaan Kota Laksamana (Melaka) Sdn Bhd & Anor v Damansara Realty Berhad [\[2016\] MLJU 1744](#); [2016] 8 CLJ 462, MR (dirujuk)

Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd [\[1964\] 1 MLJ 87](#), PC (dirujuk)
Undang-undang yang dirujuk

[Akta Kontrak 1950 s 74](#)

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 [A 37 k 1\(4\)](#), [A 56 k 1](#)

Rayuan daripada: Guaman Sivil No 21NCVC-92–12 of 2013 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Nota Editorial: Perayu kes ini telah merayu kepada Mahkamah Persekutuan melalui Rayuan Sivil No 01(f)-29-09 Tahun 2020(W). Pada 24 Mac 2021 Mahkamah Persekutuan membenarkan rayuan dan mengeneipkan keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan; dan perintah Timbalan Pendaftar Mahkamah Tinggi bertarikh 2 September 2016 dikekalkan.

Malik Imtiaz Sarwar (Afifi bin Ahmad dan Priscilla Chin bersamanya) (Azrul Afifi & Azuan) bagi pihak perayu.
Ahmad Terriruddin bin Mohd Salleh (Mariam Hasanah bt Othman bersamanya) bagi pihak responden-responden.

[*269]

Suraya Othman HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

PENGENALAN

[1]Ini adalah rayuan perayu (Integrated Training And Services Sdn Bhd) terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 16 Jun 2017 yang telah membenarkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 72) yang difailkan oleh responden-responden (Kerajaan Malaysia, Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM) dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Penguatkuasaan Maritim Malaysia sebagai responden 1, 2 dan 3) terhadap keputusan timbalan pendaftar bertarikh 2 September 2016 di dalam suatu prosiding taksiran ganti rugi. Mahkamah Tinggi pada 16 Jun 2017, selanjutnya telah memerintahkan bahawa keputusan timbalan pendaftar tersebut diketepikan dan pihak-pihak dikehendaki melantik juruaudit yang baru bagi menjalankan taksiran ganti rugi selaras dengan klausa 27.4 kontrak.

[2]Taksiran ganti rugi yang telah dibuat oleh timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi bertarikh 2 September 2016 tersebut adalah berdasarkan perintah mahkamah rayuan bertarikh 12 Mei 2015 yang memutuskan bahawa liabiliti adalah memihak kepada perayu dan kes diremit semula ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi oleh timbalan pendaftar.

[3]Pada 10 Julai 2017, perayu telah memfailkan notis rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 16 Jun 2017 tersebut.

[4]Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, kami sebulat suara telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 16 Jun 2017.

[5]Bagi tujuan penghakiman ini, pihak-pihak akan dirujuk sepertimana mereka di Mahkamah Tinggi. Oleh itu, perayu akan dirujuk sebagai plaintif dan responden-responden akan dirujuk sebagai defendan-defendan.

FAKTA KES SECARA RINGKAS

[6]Plaintif adalah sebuah syarikat yang mengendalikan akademi penerbangan yang menyediakan latihan penerbangan, latihan penerbangan simulator dan sewaan pesawat.

[7]Melalui permintaan defendan-defendan, plaintif telah memasuki dua kontrak dengan pihak defendan pertama seperti berikut: [*270]

- (a) 'Basic Flying Training for Helicopter Pilots, Aircrewman and Rescue Swimmers of the Maritime Enforcement Agency' bertarikh 4 Jun 2009 ('kontrak pertama'); dan
- (b) 'Basic Flying Training Services for Fixed Wing Pilots and Systems Officer for Malaysia Maritime Enforcement Agency' bertarikh 1 Jun 2009 ('kontrak kedua').

[8]Melalui kontrak pertama, pihak plaintif dikehendaki menyediakan dan menjalankan kursus dan latihan penerbangan kepada pelatih defendan-defendan manakala pihak defendan-defendan pula dikehendaki menghantar jumlah pelatih yang tertentu untuk menghadiri latihan yang disediakan oleh plaintif.

[9]Melalui kontrak kedua pula, pihak plaintif bertanggungjawab untuk menyediakan latihan penerbangan beserta perkhidmatan sokongan dan peralatan penerbangan. Di dalam kontrak kedua ini juga defendan-defendan dikehendaki menghantar jumlah pelatih yang tertentu untuk menghadiri latihan yang disediakan oleh plaintif.

[10]Menurut plaintif, defendan-defendan telah gagal untuk menghantar jumlah pelatih sebagaimana yang dipersetujui di dalam kedua-dua kontrak tersebut. Justeru itu, plaintif terpaksa menamatkan kursus dengan lebih awal kerana tidak mampu menampung kos operasi bagi jumlah pelatih yang terlalu kecil. Plaintif juga mendakwa penamatan kursus lebih awal ini telah menyebabkan plaintif mengalami kerugian.

[11]Lanjutan daripada itu, plaintif telah memfailkan writ dan pernyataan tuntutan bertarikh 30 Disember 2013 terhadap defendan-defendan untuk menuntut pembayaran ganti rugi khas sebanyak RM123,786,283.00 beserta ganti rugi am dan ganti rugi teladan. Selepas perbicaraan penuh, pada 2 Oktober 2014, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa tuntutan plaintif terhadap defendan-defendan untuk ganti rugi khas adalah dibenarkan sebagaimana berikut:

- (a) tuntutan bagi baki kontrak pertama dan kontrak kedua ialah sebanyak RM25,571,310;
- (b) jumlah bayaran tertunggak ialah sebanyak RM2,691,080; dan
- (c) kerugian untuk jumlah pelaburan ialah sebanyak RM17,785,707.84,

yang mana kesemuanya untuk ganti rugi khas berjumlah sebanyak RM46,048,097.84 dengan kadar faedah 5% setahun mulai tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh.

[*271]

KEPUTUSAN MAHKAMAH RAYUAN

[12]Pada 28 Oktober 2014 defendan-defendan telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap

Integrated Training and Services Sdn Bhd lwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain

keputusan Mahkamah Tinggi bertarikh 2 Oktober 2014 tersebut. Pada 12 Mei 2015 Mahkamah Rayuan telah memutuskan sepertimana berikut:

- (a) Rayuan dibenarkan sebahagian;
- (b) Perintah Mahkamah Tinggi berkenaan item (2) dan (3) Pernyataan Tuntutan diketepikan;
- (c) Berkenaan item (1) dalam Pernyataan Tuntutan Plaintiff, Perintah Mahkamah atas kuantum diketepikan dan digantikan dengan Perintah bahawa *kes diremit ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi di hadapan Pendaftar Mahkamah Tinggi selaras dengan Klausula 27.4 Kontrak*;
- (d) Rayuan Balas Responden dan Rayuan Perayu terhadap tuntutan balas ditolak; dan
- (e) Kos rayuan ditanggung oleh pihak masing-masing. (Penekanan ditambah.)

[13]Selaras dengan perintah Mahkamah Rayuan di dalam perenggan (c) di atas, kes ini telah ditetapkan untuk prosiding taksiran ganti rugi di hadapan timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi. Pada 3 Mac 2016, semasa pengurusan kes dijalankan, pihak-pihak telah mencapai persetujuan untuk melantik Firma Salihin Chartered Accountants sebagai juruaudit bebas untuk menyediakan laporan penilaian taksiran bagi ganti rugi. Penolong kanan pendaftar yang mengendalikan pengurusan kes tersebut juga telah memberikan arahan bahawa taksiran hanya tertakluk kepada dokumen yang difailkan di mahkamah sahaja.

[14]Pada 18 Julai 2016, taksiran ganti rugi telah dijalankan di hadapan timbalan pendaftar dan menurut alasan penghakiman yang telah disediakan oleh timbalan pendaftar, prosiding taksiran tersebut telah dijalankan dengan kehadiran juruaudit, Encik Ahmad Izwan Adnan dari Firma Salihin. Juruaudit tersebut telah membentangkan laporan audit dan diikuti dengan klarifikasi yang dijalankan oleh pihak-pihak.

KEPUTUSAN TIMBALAN PENDAFTAR

[15]Pada 2 September 2016, timbalan pendaftar telah memutuskan dalam perintah taksiran ganti rugi seperti berikut:

Mahkamah ini menerima Laporan oleh Juruaudit yang dilantik bersama, Tetuan Salihin Chartered Accountants bertarikh 12.04.2016 dan seterusnya adalah diperintahkan bahawa: [*272]

- (a) Defendan-defendan hendaklah membayar jumlah ganti rugi sebanyak RM21,735,613.50 tersebut ke dalam Akaun Pelanggan (Client's Account) Tetuan Azrul, Afifi & Azuan sebagai stakeholders.
- (b) Kos Juruaudit yang dilantik bersama, Tetuan Salihin, dibayar oleh Defendan-defendan sebanyak RM25,000.00 dan bakinya diselesaikan oleh Plaintiff.
- (c) Faedah 5% setahun dikira bermula dari 2 September 2016 sehingga penyelesaian penuh.

[16]Selepas keputusan timbalan pendaftar tersebut, defendan-defendan telah memfailkan notis rayuan kepada hakim dalam kamar (lampiran 72) di bawah [A 56 k 1 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012](#) (PU(A) 205/2012) ('KKM 2012'). Defendan-defendan memohon supaya keputusan timbalan pendaftar yang mengguna pakai laporan audit dari Firma Salihin diketepikan di atas alasan, antaranya, laporan juruaudit tersebut adalah cacat, tidak benar, melanggar prinsip perundangan taksiran ganti rugi dan telah diterima masuk oleh timbalan pendaftar tanpa kehadiran juruaudit yang menyediakan laporan tersebut untuk memberikan keterangan di mahkamah.

KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI

[17]Setelah mendengar hujahan dari kedua-dua belah pihak, Mahkamah Tinggi membenarkan lampiran 72 dan

mengeneipkan keputusan timbalan pendaftar bertarikh 2 September 2017 tanpa perintah mengenai kos. Mahkamah Tinggi juga telah mengarahkan pihak-pihak untuk melantik juruaudit yang baru bagi menjalankan taksiran ganti rugi selaras dengan klausa 27.4 kontrak.

[18]Di dalam penghakimannya, YA pesuruhjaya kehakiman menyatakan bahawa, setelah penelitian beliau terhadap alasan penghakiman timbalan pendaftar berserta hujahan oleh kedua-dua belah pihak, beliau dapati bahawa defendan-defendan dari permulaannya telah menimbulkan bantahan di atas kesahihan laporan juruaudit tersebut di hadapan timbalan pendaftar.

[19]YA pesuruhjaya kehakiman selanjutnya menyatakan, walaupun kedua-dua pihak telah bersetuju melantik Firma Salihin sebagai juruaudit bebas bagi mentaksirkan kos dan kerugian yang perlu dibayar oleh defendan-defendan, namun apabila timbul bantahan terhadap kesahihan laporan yang disediakan, timbalan pendaftar sepatutnya menimbang bantahan tersebut serta memberi alasan di atas dapatannya itu sebelum membuat keputusan untuk terus menerima laporan audit tanpa memanggil juruaudit untuk memberikan keterangan di mahkamah.

[20]Walaupun timbalan pendaftar ada menyatakan bahawa juruaudit telah [*273] hadir dan membuat pembentangan serta penerangan mengenai laporan tersebut pada 18 Julai 2016, namun begitu tiada sebarang minit prosiding mahkamah bertarikh 18 Julai 2016 tersebut dikemukakan untuk penelitian Mahkamah Tinggi.

[21]Setelah meneliti laporan audit tersebut, YA pesuruhjaya kehakiman juga berpendapat bahawa laporan audit tersebut dengan sendiri masih lagi memerlukan penerangan dan penjelasan yang lebih terperinci dari juruaudit yang menyediakan laporan. Oleh yang demikian, juruaudit sepatutnya dipanggil memberikan keterangannya.

[22]YA pesuruhjaya kehakiman seterusnya berpendapat bahawa timbalan pendaftar telah bertindak di atas prinsip undang-undang yang salah apabila memberikan perintah dengan hanya bergantung kepada laporan audit semata-mata tanpa soal balas juruaudit yang menyediakan laporan tersebut untuk memberikan keterangan.

[23]Berhubung dengan isu res judicata, YA pesuruhjaya kehakiman berpandangan bahawa penghakiman belum lagi diputuskan secara muktamad memandangkan proses taksiran ganti rugi yang diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan untuk dijalankan oleh timbalan pendaftar telah dibantah oleh defendan-defendan di peringkat pendengaran di hadapan timbalan pendaftar. Oleh yang demikian, tidak timbul isu res judicata sebagaimana yang dibangkitkan oleh peguam plaintif.

[24]Walaupun plaintif menghujahkan bahawa penjelasan yang terperinci mengenai metodologi, kandungan laporan audit dan ringkasan kerja telah dibentangkan di hadapan timbalan pendaftar pada 18 Julai 2016, namun catatan timbalan pendaftar di dalam bentuk minit/nota prosiding tiada di dalam fail untuk penelitian Mahkamah Tinggi.

HUJAHAN PERAYU/PLAINTIF

[25]Perayu/plaintif berhujah bahawa, walaupun responden-responden/defendan-defendan telah membuat bantahan terhadap laporan audit tersebut, namun tiada permohonan rasmi dibuat oleh defendan-defendan sama ada untuk memanggil juruaudit bagi pemeriksaan balas atau perbincangan selaras dengan A 37 k 1(4), KKM 2012. Plaintif juga berhujah bahawa kekurangan nota atau minit prosiding tidak seharusnya menjadi asas untuk mengeneipkan keputusan timbalan pendaftar. Mengikut nota prosiding, sewaktu kes klarifikasi ditetapkan di hadapan timbalan pendaftar pada 18 Julai 2016, juruaudit Encik Izwan telah menjelaskan bagaimana cara taksiran dibuat dan dokumen ringkasan kerja juruaudit telah dikemukakan oleh beliau. Oleh yang demikian, plaintif berhujah bahawa [*274]

laporan yang dibuat juruaudit adalah selaras dengan kehendak klausa 27.4 kontrak tersebut dan menepati kehendak sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan. Keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintahkan perlantikan juruaudit baru adalah jelas bertentangan dengan perintah Mahkamah Rayuan dan terma kontrak tersebut.

HUJAHAN RESPONDEN-RESPONDEN/DEFENDAN-DEFENDAN

[26] Responden-responen/defendan-defendan berhujah bahawa laporan juruaudit tersebut adalah bertentangan dengan klausa 27.4 kontrak berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

- (a) Tetuan Salihin Chartered Accountants sendiri dalam laporannya mengakui kesukaran untuk mengenal pasti 'all sum and expenses properly and necessarily incurred by the Contractor in executing its obligations under this Contract up to and including date of termination of this Contract';
- (b) pengiraan yang dibuat oleh Tetuan Salihin Chartered Accountants telah menggunakan dokumen-dokumen yang tidak berkaitan dan tidak pernah difailkan di mahkamah dan bukan seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan; dan
- (c) kaedah 'Keuntungan Sebelum Cukai' yang direkodkan oleh pihak plaintif bagi tahun kewangan 2007 dalam menentukan jumlah kos dan keuntungan pihak plaintif bagi tahun kewangan 2007 serta metodologi yang telah diguna pakai oleh Tetuan Salihin Chartered Accountants adalah bertentangan dengan klausa 27.4 kontrak. Pengiraan margin keuntungan dibuat berdasarkan andaian semata-mata. Tiada bukti atau kos sebenar dikemukakan mengenai perbelanjaan oleh pihak plaintif iaitu kos setiap pelatih sepertimana yang diperuntukkan di dalam kontrak.

[27] Defendan-defendan juga berhujah bahawa perbicaraan taksiran ganti rugi seharusnya dijalankan kerana pihak defendan-defendan telah membantah penerimaan laporan audit oleh Firma Salihin tersebut. Defendan-defendan juga berhujah bahawa klausa 27.4 Kontrak tersebut jelas tidak menyebut pihak defendan-defendan perlu menerima laporan tersebut. Laporan juruaudit bukanlah muktamad dan pihak-pihak tidak terikat untuk menerimanya. Persetujuan melantik juruaudit menurut klausa 27.4 kontrak tidak bermakna pihak defendan-defendan dikehendaki bersetuju dengan laporan audit tersebut. Klausa 27.4 ini terdapat dalam kedua-dua kontrak di antara pihak-pihak yang memperuntukkan seperti berikut:

In the event that this Contract is terminated under any provision of Clause 27.3, the Government shall pay to the Contractor upon demand the amount of which to be determined by an independent auditor to be appointed mutually by both Parties in [*275] respect of all sums and expenses properly and necessarily incurred by the Contractor in executing its obligation under this Contract up to and including the date of termination of this Contract.

KEPUTUSAN

[28] Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, kami secara sebulat suara memutuskan bahawa rayuan pihak plaintif adalah ditolak. Kami mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 16 Jun 2017.

[29] Pada asasnya kami bersetuju dengan penghakiman pesuruhjaya kehakiman yang terdapat di perenggan [29] hingga [37] alasan penghakimannya. Kami bersetuju dengan YA pesuruhjaya kehakiman bahawa timbalan pendaftar telah bertindak atas prinsip undang-undang yang salah (*has acted on a wrong principle of law*) apabila memberi perintah atas arahan bagi Taksiran oleh Mahkamah Rayuan, dengan hanya bergantung kepada laporan audit semata-mata tanpa menjalankan perbicaraan dengan kehadiran juruaudit memberi keterangan atas sumpah agar defendan-defendan jelas tentang bayaran yang perlu dibuat bagi ganti rugi yang perlu ditaksirkan sebagaimana arahan Mahkamah Rayuan berdasarkan klausa 27.4 kontrak dalam ertikata yang sebenarnya perintah Mahkamah Rayuan tersebut. Dari penelitian ke atas alasan penghakiman, kami berpendapat bahawa YA pesuruhjaya kehakiman dengan jelas tidak khilaf (*was not plainly wrong*). Walhal, YA pesuruhjaya kehakiman telah menilai dengan secukupnya keterangan yang ada dan telah mengarahkan dirinya dengan betul dari segi fakta dan undang-undang dan tiada sebarang sebab yang mewajarkan kami untuk mengganggu dapatan ini. Kes *Lee Chee Keong v Fadason Holdings Sdn Bhd and other appeals* [2017] 3 MLJ 728; *Ming Holdings (M) Sdn Bhd v Tuan Syed Azahari bin Noh Shahabudin & Anor* [2010] 4 MLJ 577; *China Airlines Ltd v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and another appeal* [1996] 2 MLJ 517 (Tab 3) ms 175 dirujuk.

[30] Bantahan-bantahan yang dikemukakan oleh pihak defendan-defendan terhadap laporan juruaudit tersebut hendaklah dipertimbangkan oleh timbalan pendaftar sebelum membuat sebarang keputusan. Kami dapati

Integrated Training and Services Sdn Bhd lwn Kerajaan Malaysia dan lain-lain

bantahan-bantahan yang dibuat oleh pihak defendan-defendan adalah bermerit di antaranya atas kegagalan juruaudit untuk menjelaskan secara terperinci mengenai kaedah taksiran ganti rugi yang dilakukan dalam menentukan jumlah taksiran sebanyak RM21,735,613.50 tersebut.

[31] Sepatutnya dalam situasi sebegini, di mana ada bantahan oleh pihak defendan-defendan, proses penaksiran menurut klausa 27.4 kontrak semestinya dijalankan (kes Privy Council *Tay Kheng Hong v Heap Moh Steamship Co Ltd* [1964] 1 MLJ 87) dirujuk. Timbalan pendaftar seharusnya [*276] meminta juruaudit memberi keterangan tentang pengiraan yang dibuat dan bagaimana penilaian bagi jumlah ganti rugi dicapai untuk memastikan laporan tersebut adil dan telus. Lebih lagi, jika pengiraan yang digunakan adalah berunsur teknikal dan memerlukan penerangan yang jelas dan terang daripada semua pihak.

[32] Kami merujuk kepada klausa 27.4 kontrak, yang memperuntukkan seperti berikut:

In the event that this Contract is terminated under any provision of Clause 27.3, the Government shall pay to the Contractor upon demand the amount of which *to be determined by an independent auditor to be appointed mutually by both Parties in respect of all sums and expenses properly and necessarily incurred by the Contractor in executing its obligation under this Contract up to and including the date of termination of this Contract.* (Penekanan ditambah.)

[33] Bagi hemat kami, menurut klausa di atas, penentuan oleh pihak juruaudit berhubung dengan 'all sums and expenses properly and necessarily incurred' adalah penting berdasarkan prinsip pembuktian ganti rugi sejajar dengan [s 74 Akta Kontrak 1950 \(Akta 136\)](#). Dalam erti kata lain, tuntutan plaintif adalah untuk ganti rugi khas yang semestinya perlu dibuktikan (kes Mahkamah Rayuan *Pembinaan Kota Laksamana (Melaka) Sdn Bhd & Anor v Damansara Realty Berhad* [2016] MLJU 1744; [2016] 8 CLJ 462 dirujuk).

[34] Tambahan lagi, dalam penyediaan laporan audit, pihak juruaudit telah mengguna pakai Laporan Tahunan Kewangan plaintif yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia bagi tahun 2006 dan 2007 iaitu dokumen yang tidak berkenaan dengan kedua-dua kontrak ini sedangkan kontrak di antara plaintif dan defendan-defendan hanya dimeterai pada bulan Jun 2009.

[35] Dari itu, berdasarkan alasan di atas, kami memutuskan bahawa di dalam situasi sedemikian, adalah wajar agar juruaudit baru yang bakal dilantik oleh pihak-pihak dipanggil oleh timbalan pendaftar ke prosiding taksiran ganti rugi dan diperiksa balas atas sumpah oleh kedua-dua belah pihak untuk mendapatkan klarifikasi jelas, bukan sahaja bagi membantu pihak-pihak agar dapat memahami dengan jelas isu yang dibangkitkan, bahkan juga dapat membantu timbalan pendaftar untuk mencapai suatu keputusan yang adil.

KESIMPULAN

[36] Berdasarkan huraian di atas, kami sebulat suara memutuskan menolak rayuan perayu/plaintif dan mengekalkan perintah Mahkamah Tinggi bertarikh 16 Jun 2017 dengan kos RM10,000 tertakluk kepada alokatur kepada responden-responden/defendan-defendan. Kami seterusnya memerintahkan agar kes diremit ke Mahkamah Tinggi untuk taksiran ganti rugi oleh juruaudit [*277] (*auditor*) yang baru di hadapan timbalan pendaftar Mahkamah Tinggi.

Perintah sewajarnya.

Reported by Ahmad Ismail Illman Mohd Razali